

02/10/1998

Exco pertahanan pendirian

KUALA LUMPUR, Khamis - Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia tetap dengan pendiriannya meminta Majlis Tertinggi (MT) parti mengambil tindakan tata tertib ke atas ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Naib Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata keputusan itu tidak berubah walaupun Ahmad Zahid sudah dibebaskan daripada ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), semalam.

"Sehingga kini belum ada sebarang permintaan daripada mana-mana Exco Pemuda untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkannya semula.

"Syukur Alhamdulillah, saya lega dengan pembebasan Zahid tetapi keputusan Pemuda bukan keputusan saya sendiri. Perkara ini sudah dipanjangkan kepada MT yang akan bermesyuarat pada 6 Oktober ini.

"Dari segi perlembagaan dan peraturan parti, hanya MT boleh membuat keputusan mengenai jawatan Ketua Pemuda.

"Exco Pemuda sudah membuat pendirian melalui memorandum dan usul yang sudah diketengahkan kepada MT dan berlandaskan hujah berkenaan, MT akan membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis anugerah dan ulang tahun ke-13 Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) di sini, hari ini.

Khamis lalu, Hishammuddin yang mewakili Exco Pemuda menyerahkan memorandum hilang kepercayaan ke atas Zahid kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

MT yang akan bermesyuarat pada 6 Oktober ini juga dijangka membincangkan kedudukan dua lagi Exco Pemuda, Dr Rahim Ghouse dan Ruslan Kassim serta Penolong Setiausaha Pemuda, Saifuddin Nasution Ismail.

Hishammuddin berkata, beliau berharap dapat menemui Zahid dalam masa terdekat ini.

"Saya dengan dia macam adik beradik dan saya rasa Zahid adalah pemimpin muda yang rasional serta matang. Mungkin inilah masa keemasan untuk saya duduk berbincang dengan beliau bagi memikirkan masa depan parti dan negara.

"Saya berharap beliau boleh bekerjasama dan sedia berusaha ke arah gerakan yang lebih membina daripada gerakan yang boleh merosakkan institusi yang ada," katanya.

Beliau juga mengumumkan bahawa Pemuda Barisan Nasional (BN) sedang mendapatkan permit polis untuk menganjurkan Perhimpunan Perdana di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 10 Oktober ini untuk menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika ini, katanya, sambutan anggota Pemuda parti komponen BN untuk mengadakan perhimpunan itu sangat menggalakkan.

(END)